

MA 17/9/23 p 13



ANGGOTA DBKL memeriksa kenderaan berat dalam operasi Tindakan Khas Laluan Waktu Terhad Siri21/2023 di sekitar Jalan Cheras dan Jalan Amra, Sentul.

14 notis bagi pemandu lori ingkar larangan

Kuala Lumpur: Kedegilan pemandu lori yang ingkar larangan waktu perjalanan di ibu kota mengundang padah apabila dikenakan tindakan saman oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL menerusi kenyataan semalam memaklumkan, 14 notis dikeluarkan menerusi Tindakan Khas Laluan Waktu Terhad Siri 21/2023 di sekitar Jalan Cheras dan Jalan Amra, Sentul di sini, kelmarin.

"Operasi oleh pegawai dan anggota Jabatan Penguatkuasaan DBKL itu memeriksa 27 kenderaan membabitkan lori simen, treler, lori angkut bahan

binaan serta pelbagai kenderaan lain yang melalui laluan dikhaskan waktu terhad bermula jam 6.30 pagi hingga jam 9.30 pagi.

"Hasil pemeriksaan itu, kesalahan dikesan adalah ingkar larangan waktu laluan terhad, membawa bahan binaan seperti batu, pasir dan kayu tanpa permit laluan, kenderaan kotor serta halangan lalu lintas yang menyebabkan kesesakan," katanya.

Katanya, tiga kompaun dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil Pengangkutan Bahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan 11 notis saman mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

“Operasi DBKL itu memeriksa 27 kenderaan babit lori simen, treler, dan lori angkut binaan”